

Buletin MDT

Majlis Daerah Tapah



EDISI 2 / 2022

JALAN STESYEN, 35000 TAPAH, PERAK DARUL RIDZUAN



SELAMAT DATANG

YANG DIPERTUA

**TUAN HAJI AHMAD ROSLAN BIN
MOHAMED NAZIR C. A. (M)**



www.mdtapah.gov.my



Majlis Daerah Tapah



majlisdaerahtapah

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
UCAPAN YANG DIPERTUA	3
MAJLIS ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TAPAH	4
MX ENDURANCE CHALLENGE TAPAH 2022	5
KEMBARA MERDEKA DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG	6
KUNJUNGAN KE MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA	6
PROGRAM SENAMROBIK MERDEKA	7
TEMPAT KE TIGA PERTANDINGAN TARIK TALI	7
PEKAN KARTUN V.8	8
PROGRAM KELUARGA MALAYSIA	9
LAWATAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN KE MP KULIM	10
MAJLIS RAMAH MESRA PM BERSAMA FELCRA, RISDA DAN JAKOA	10
PROGRAM SIMULASI BANJIR	11
HARI STATISTIK NEGARA	12
MAJLIS RAMAH MESRA YANG DIPERTUA BERSAMA AHLI MAJLIS DAN WARGA KERJA MAJLIS DAERAH TAPAH	13
MAJLIS PERASMIAN KEBUN KOMUNITI	14

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir,
C.A. (M)
Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah

PENGERUSI

TPr. Haji Zuhairi Bin Hashim,
A.M.P, P.P.T
Setiausaha Majlis Daerah Tapah

KETUA EDITOR

Pn. Syahida Binti Mohd Zin, P.J.K

SIDANG EDITOR

1. Pn. Zahawiah Binti Abd. Kadir
2. En. Sharizal Bin Abdul Rahman
3. En. Muhamad Fauzi Bin Abd. Jalal
4. En. Abdullah Nasih Ulwan Bin Hussain
5. Pn. Fauzatuswar Binti Mohd Basri
6. En. Hamidi Bin Rusli
7. Pn. Suzilawati Binti Fauzi
8. En. Muhamad Hilman Bin Mohd Nasir
9. Pn. Munazirah Binti Mohamad
10. En. Mohd Hafizunnaim Bin Hasnan
11. En. Mohd Fareez Aiman Bin Abdul Wahab
12. En. Muhammad Ariffiuddin Bin Rosli

JURUGAMBAR & PEREKA GRAFIK

En. Mohd Rabiul Khairi Bin Abdul Rashid

PENERBIT

Unit Korporat, Perhubungan Awam &
Pelancongan Majlis Daerah Tapah

Telefon : 05-4011326/2329

Faks : 05-4012288

Website : www.mdtapah.gov.my

Facebook : Majlis Daerah Tapah

Instagram : [majlisdaerahtapah](https://www.instagram.com/majlisdaerahtapah)




UCAPAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera buat warga pembaca Buletin Majlis Daerah Tapah bagi Edisi Kedua (Julai-Disember 2022) yang sentiasa menanti keluaran naskah ini. Mudah-mudahan Allah s.w.t. sentiasa memberi rahmat kepada kita semua yang hanyalah insan kerdil tetapi berwibawa bagi mensejahterakan tanah Tapah ini buat bekalan generasi masa depan. Dengan penuh rasa kesyukuran, Buletin Majlis Daerah Tapah pada kali ini merupakan terbitan penutup bagi tahun 2022. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab saya bagi memastikan agenda buletin ini agar terus padat dan jitu dengan pelbagai maklumat serta informasi mengenai perancangan dan program yang dilaksanakan bagi melestarikan bandar. Akhir kata, saya berharap agar seluruh warga kerja MDT akan terus berusaha meningkatkan prestasi dengan lebih cemerlang demi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah baik dan sempurna, selain meningkatkan pembangunan dan kemajuan demi kesejahteraan rakyat. Selamat Membaca dan Salam Kesepaduan MDT!



.....
Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir , C.A.(M)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tapah





MAJLIS ANGKAT SUMPAAH YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TAPAH

8 JULAI 2022 - Telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah dan Mesyuarat Penuh Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Tapah Bil. 2/2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama MDT. Setelah 5 bulan tugas Yang Dipertua dipangku oleh Setiausaha Haji Zuhairi Bin Haji Hashim, akhirnya Majlis Daerah Tapah telah menerima kehadiran Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah yang baru berkuatkuasa 1 Julai 2022. Tahniah diucapkan, semoga Majlis Daerah Tapah maju jaya di bawah kepimpinan Tuan Yang Dipertua.



JOHAN PERTANDINGAN MEREKA CIPTA BUNTING MAAL HIJRAH

30 JULAI 2022 - Majlis Daerah Tapah berjaya menjadi Johan Pertandingan Mereka Cipta Bunting sempena sambutan Maal Hijrah 2022 melalui wakil dari Unit Korporat, Perhubungan Awam & Pelancongan, Encik Mohd Rabiul Khairi bin Abdul Rashid bagi kategori jabatan dan agensi kerajaan. Pemenang membawa pulang hadiah wang tunai RM3000.00 berserta sijil. Semoga Majlis Daerah Tapah terus berjaya dalam setiap pertandingan yang disertai.



MX ENDURANCE CHALLENGE TAPAH 2022

31 JULAI 2022 - Program yang dianjurkan oleh Persatuan Penggemar Sukan Lasak Tapah & DACS dengan kerjasama KBS & Majlis Daerah Tapah ini telah berlangsung di Litar Motorcross SMTD Kampar, Perak. Pertandingan ini turut disertai penyanyi terkenal tanah air Black Hanifa. Ketua Unit Korporat, Perhubungan Awam & Pelancongan Majlis Daerah Tapah, Puan Syahida Binti Mohd Zin turut sama hadir bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang



KEMBARA MERDEKA DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

1 OGOS 2022 - YBrs. Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah hadir ke program yang telah diadakan pada 1 Ogos 2022 di Dewan Merdeka ini yang mana telah dirasmikan oleh YDH Toh Paduka Indera Dato' Hj Mat Rasid Ayob OBJ Batang Padang. Perjalanan Kembara Merdeka bermula dari Kompleks Sultan Nazrin Muizzuddin Shah - Dewan Dato' Azman Mahalan - Dewan Merdeka Pekan Tapah - Petronas Sungkai Pejabat Daerah Muallim - Pakya Bistro Kuala Slim - D'NAR Village dan berakhir di Menara Condong, Teluk Intan.



KUNJUNGAN KE MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

16 OGOS 2023 - Majlis Daerah Tapah (MDT) berkunjung ke Ibu Pejabat MBSJ bagi lawatan penandaarasan MS ISO 9001:2015. Delegasi turut berkesempatan dibawa melawat ke Pusat Kawalan Subang Jaya (Command Center), kios bayaran serta sekitar aras 1 bagi melihat amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh MBSJ. Semoga melalui kunjungan ini, objektif lawatan dapat dicapai sekaligus memberikan manfaat kepada kedua-dua organisasi.



PROGRAM SENAMROBIK MERDEKA

26 OGOS 2022 - Program Senamrobik yang bertempat di Stadium Tun Ahmad Sarji Tapah ini turut dihadiri oleh YDH Toh Paduka Indera Dato' Hj Mat Rasid Ayob OBJ Batang Padang, Setiausaha MDT, Ahli-Ahli Majlis MDT, Ketua dan wakil Agensi Kerajaan Daerah, Guru Pengiring bersama Murid-murid Sekolah Kebangsaan Toh Tandewa Sakti Tapah, wakil Syarikat Konsesi Puncak Emas Infra Sdn Bhd serta Anggota MDT. Aktiviti senamrobik diketuai oleh Tapah Fitness Team. Selain itu, penyerahan bendera kepada wakil agensi dan aktiviti mengutip sampah di sekitar Pekan Tapah turut diadakan.



TEMPAT KE TIGA PERTANDINGAN TARIK TALI

27 OGOS 2022 - Tahniah kepada pasukan Tarik Tali Majlis Daerah Tapah yang berjaya mendapat tempat ke-3 dalam Pertandingan Tarik Tali yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah dalam Program Plogging @ Padang Bandaran Batu Gajah. Semoga Pasukan Tarik Tali Majlis Daerah Tapah akan lebih berjaya dalam pertandingan-pertandingan yang disertai.





PEKAN KARTUN KARTUN V. 8

4 SEPTEMBER 2022- Perasmian Pekan Kartun V.8 - Street Arts Evolution Tapah, Perak telah diadakan pada 3 & 4 September 2022 di Lorong Street Arts Mural Fasa 1 & 2. Program ini turut dihadiri oleh Ikon Kartunis Malaysia Datuk Mohamad Noor Khalid @ Datuk Lat yang terkenal dengan karya Kampung Boy. Antara pengisian program adalah Hotwheel Race, Pertandingan Cosplay Skit, Lukisan Mural Kartun dan lain-lain. Cabaran PK Street Mural Kartun di Tapah ini adalah yang terpanjang di Malaysia iaitu kira-kira 400 kaki yang menampilkan 45 Ikon di negeri Perak.





PROGRAM KELUARGA MALAYSIA

10 September 2022 - Program Merdeka@Parlimen Daerah Batang Padang telah berlangsung di Taman Tasek Temoh, Tapah. Pelbagai aktiviti yang menarik dijalankan sepanjang program. Antaranya Fun Ride, Tarik Tali, Boling Kelapa, Sumpit Belon, Pertandingan Menghias Kek dan Pakaian Beragam Kanak-Kanak. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ishsam Bin Haji Shahrudin, Ahli Majlis Daerah Tapah. Majlis Daerah Tapah turut menghantar wakil pasukan tarik tali dan berjaya mendapat Naib Johan. Tahniah dan syabas kepada semua pemenang dan peserta yang terlibat.





LAWATAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN KE MP KULIM

11 OKTOBER 2022 - Lawatan Perkongsian Pengetahuan dan Perbincangan Berkenaan Pembangunan dan Pelaksanaan Permit Pembinaan EKSPRES E10 pada 11 Oktober 2022 di Majlis Perbandaran Kulim, Kedah. Lawatan ini turut disertai Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir, Yang Dipertua MDT, Tpr Haji Zuhairi Bin Hashim, Setiausaha MDT, Ketua-ketua Jabatan & Unit serta beberapa orang Ahli Majlis.



MAJLIS RAMAH MESRA PM BERSAMA FELCRA, RISDA DAN JAKOA

17 Oktober 2022 – Telah berlangsungnya satu Majlis Ramah Mesra YAB Perdana Menteri Bersama Peserta Felcra Berhad, Pekebun Kecil RISDA, Tok Batin dan Penghulu Orang Asli di bawah JAKOA. Majlis pada hari ini dianjurkan bertujuan untuk menyampaikan semula pulangan hasil atau dividen, kepada peserta Felcra Berhad dan pekebun kecil RISDA dimana inilah hasil usaha mereka dalam penyertaan dan sokongan kepada pelaksanaan program pembangunan kedua-dua agensi ini.





PROGRAM SIMULASI BENCANA

18 OKTOBER 2022 (SELASA), SUNGKAI
Program Simulasi Bencana Daerah Batang Padang telah diadakan di Kampung Klah Baru, Sungkai (lokasi kejadian bencana) dan SMK Sungai Keruit, Sungkai (lokasi Pusat Pemindahan Sementara (PPS)). Program ini merupakan salah satu persediaan yang dirancang di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Batang Padang bagi meghadapi situasi perubahan musim dan Monsun Timur Laut (MTL) serta memastikan semua agensi/jabatan di bawah JPBD Batang Padang sentiasa dalam keadaan bersiap siaga. Terima kasih kepada semua agensi di bawah JPBD Batang Padang atas komitmen yang diberikan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan.





HARI STATISTIK NEGARA

Karnival Statistik 2022 sempena Hari Statistik Negara telah berlangsung pada 20 Oktober sehingga 22 Oktober 2022 bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai. Karnival ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed. DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan mencemari menghadiri Forum Perdana Hal Ehwal Islam di Dewan Sigma Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Pelbagai program disusun sepanjang karnival seperti MyFuture Jobs, Jualan Bantu Rakyat Kedai Bergerak, Debat Statistik Institut Pengajian Tinggi dan Stats FitDOSM perdana. Majlis Daerah Tapah turut membuka kaunter bayaran untuk membayar Cukai Taksiran dan kompaun Parking (potongan 50%) utk orang awam yang membuat bayaran sepanjang 3 hari Karnival berlangsung.



MAJLIS RAMAH MESRA YANG DIPERTUA BERSAMA AHLI MAJLIS DAN WARGA KERJA MAJLIS DAERAH TAPAH

2 DISEMBER 2022 - Majlis Ramah Mesra antara Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah bersama Ahli Majlis dan warga kerja Majlis Daerah Tapah bertempat di perkarangan Bangunan MDT. Perjumpaan buat kali pertama bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir bersama semua warga kerja MDT terutama dengan staf yang bekerja di lapangan (H11). Semua yang hadir disajikan dengan menu istimewa iaitu buah Durian .





MAJLIS PERASMIAAN KEBUN KOMUNITI

20 DISEMBER 2022 - Majlis Perasmian Kebun Komuniti Peringkat Majlis Daerah Tapah di perkarangan Surau Al-Hamidiah Kg. Tersusun Batu 3, Tapah Road. Puan Fauzatulaswar Binti Mohd Basri Pegawai Perancang Bandar & Desa dari Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Tapah hadir merasmikan Program Kebun komuniti. Pihak Majlis Daerah turut menyampaikan sijil Kebun Kejiranan kepada pengerusi Surau Al-Hamidiah, selesai majlis perasmian semua yang hadir dibawa melawat Kebun Komuniti. Penghulu Mukim Batang Padang Mohd Shadon Bin Ahmad turut berkesempatan hadir dalam majlis ini.



Refarm
Leisure
Farm . Food . Stay



Refarm adalah sebuah ladang rekreasi seluas 26 ekar, yang terletak di Kampar, Perak kira-kira 4 km dari bandar Kampar, terletak di sebelah laluan menuju bandar **Temoh & Tapah**. Refarm dikelilingi oleh bukit dan hutan. Air terjun di dalam hutan adalah sumber berharga bagi kami. Dengan panjang keseluruhan sistem perpipaan **1,2 km**, mereka berhasil terhubung dengan hulu air terjun untuk membekalkan air bersih ke tanaman dan haiwan termasuk ayam, ikan dan kambing.

Objektif Refarm adalah untuk menyediakan tempat untuk anda melepaskan diri dari gaya hidup bandar yang tertekan, dan mengalami gaya hidup pertanian yang tidak dapat dibeli oleh wang seperti menanam sayur-sayuran organik, buah-buahan dan cendawan atau memberi makan kambing dan ayam. Leisure Farm dibuka setiap hari dari jam **9 pagi** hingga **6 petang** dan ditutup pada hari **Selasa**.





PERHATIAN BUAT ANDA DILUAR SANA !!!!

5 LANGKAH MUDAH BAYAR KOMPAUN

1. MUAT TURUN APLIKASI PARK@PERAK
APP STORE, PLAY STORE @ HUAWEI
APPGALLERY
2. DAFTAR PENGGUNA (SIGN UP)
3. DAFTAR MASUK (LOG IN)
4. PILIH KOMPAUN DAN MASUKKAN NOMBOR
KENDERAAN
5. PILIH & BAYAR (CLICK & PAY)



Park@Perak

**TUAN, PUAN TOLONG
SEGERA JELASKAN**

**KOMPAUN KESALAHAN TEMPAT
LETAK KERETA DAN LAIN-LAIN
KESALAHAN MENGIKUT AKTA
LALULINTAS (AKTA 333)**



www.mdtapah.gov.my



Majlis Daerah Tapah



majlisdaerahtapah